

Pelajar UMS dapat manfaat melalui Semarak Samudera

UB 31.10.15 B5

SERAMAI 15 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat manfaat melalui program Semarak Samudera anjuran Sekretariat Permuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada), baru-baru ini.

Program anjuran bersama Seranta (Felda) Negeri Sabah dan Pasukan Gerakan Am (PGA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu merupakan satu daripada inisiatif Persada UMS dalam menjalankan

tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara.

Menurut penyelia program Rohani Hadi, objektif utama Semarak Samudera adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai tanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keharmonian sejagat.

Pada program itu, para peserta berkesempatan mengikuti aktiviti berkumpulan rentas halangan

serta taklimat keselamatan dan peluang kerjaya dalam PDRM.

Taklimat keselamatan disampaikan Ketua Staf PGA Briged Sabah Superintenden Kamaruzaman Ibrahim dan pegawai latihan batalion 16 PGA Briged Sabah Penolong Penguasa Polis (ASP) Mohd Rizal Abdullah.

Turut hadir pada program itu, Ketua Seranta (Felda) Negeri Sabah Asmarah Rikun.



PARA peserta berkesempatan bergambar bersama Kamaruzaman.